

'Kerajaan kini bekerja sebagai sebuah keluarga'

BH - 8/11/2021 m/s. 2

Bulan Keluarga Malaysia disambut setiap November landaskan suburkan sikap penyayang

Oleh Rohaniza Idris dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Konsep Keluarga Malaysia memberi penekanan, kerajaan kini tidak lagi bekerja sebagai satu pasukan, sebaliknya sebagai sebuah keluarga, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Perdana Menteri berkata, konsep itu bermakna kerajaan mengamalkan sikap saling menyayangi di antara satu sama lain.

"Keluarga Malaysia adalah saling memahami, saling bertoleransi dan saling menyayangi. Bukan sahaja menjaga diri kita sendiri, tetapi juga ahli keluarga yang lain. Konsep inilah yang diterapkan dalam kerajaan.

"Kerajaan bukan lagi bekerja sebagai satu pasukan, tetapi bekerja sebagai satu keluarga. Terima kasih semua ahli Keluarga Malaysia. Kalian semua amat dekat di hati saya," katanya menerusi Facebook rasminya, petang semalam.

Konsep Keluarga Malaysia diperkenalkan Perdana Menteri Kesembilan itu menerusi ucapan sulungnya selepas dilantik menerajui tampuk kerajaan pada 22 Ogos lalu yang bertunjangkan nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

Sementara itu, pagi semalam, Perdana Menteri mengisytiharkan Bulan Keluarga Kebangsaan yang disambut pada November setiap tahun akan dikenali sebagai Bulan Keluarga Malaysia.

Katanya, sambutan pada bulan ini menjadi landasan untuk menyemarakkan lagi keutuhan serta keterangkuman dalam Ke-



Ismail Sabri beramah mesra dengan kanak-kanak yang menyertai pertandingan pada Majlis Pelancaran Bulan Keluarga Malaysia 2021 sambil diperhatikan Rina di Taman Botani Perdana Kuala Lumpur, semalam.

(Foto Aswadi Alias /BH)

uarga Malaysia, sekali gus menjamin kemakmuran dan perpaduan sebuah keluarga besar.

Ismail Sabri berkata, selain penyertaan kementerian dan kerajaan negeri sebagai penggerak utama program, kerajaan amat berharap sektor swasta, pertumbuhan bukan kerajaan (NGO) dan komuniti turut mengambil bahagian agar program kesejahteraan keluarga dilaksanakan sebaik dan sebanyak mungkin mengikut kapasiti masing-masing.

Katanya, penganjuran program juga boleh dilakukan pada peringkat nasional secara gandingan kerjasama dengan agensi kerajaan sebagai satu acara nasional negara bagi mempertingkatkan kesejahteraan Keluarga Malaysia.

"Sambutan ini diharap dapat menyemarakkan serta mempertingkatkan lagi usaha semua pihak untuk bersama-sama melindungi, mempertahankan dan memperkasa institusi keluarga sebagai benteng dan tunjang kestabilan sosial di negara kita," katanya ketika merasmikan sambutan itu di Taman Botani Perdana, di sini, semalam.

Yang turut hadir Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rina Harun; Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd Zuki Ali.

Menyentuh penjenamaan semula sambutan sejak 2012 itu, Ismail Sabri berkata, ia selaras pelaksanaan Dasar Keluarga Negara yang bermatlamat membangunkan keluarga sejahtera, sihat dan teguh serta berdaya tahan untuk memastikan kestabilan sosial demi kesejahteraan negara.

"Bagaimanapun ia berbeza konsep Keluarga Malaysia yang ideanya, saya cetuskan sebaik dilantik sebagai Perdana Menteri, yang memfokus usaha menyatupadukan rakyat Malaysia dalam sebuah keluarga besar bagi menghadapi cabaran krisis berkembar iaitu ekonomi dan COVID-19.

"Kerajaan memberi jaminan terus komited dalam memberikan yang terbaik kepada rakyat. Konsep Keluarga Malaysia yang dibawa kerajaan hari ini akan

terus dijadikan sebagai falsafah pentadbiran negara," katanya yang berharap Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara teruskan usaha memastikan institusi keluarga di Malaysia kekal terpelihara dan sejahtera.

Sementara itu, Ismail Sabri berkata, beliau akan mpenge- ruskikan Yayasan Keluarga Malaysia yang baru-baru ini dipe- runtukkan RM25 juta bagi mem- bantu anak yang kehilangan ibu bapa akibat COVID-19.

"Beberapa program dirangka untuk memastikan nasib anak-anak ini terus dibela, termasuk bantuan kewangan dan sokongan emosi dalam mende- pani cabaran ketika membesar tanpa ibu dan ayah.

"Komitmen banyak pihak diperlukan untuk bersama-sama membantu dan menjaga kebaji- kan anak ini supaya mereka tidak terpinggir," katanya.

Perdana Menteri berkata, ya- yasan berkenaan akan turut mem- bantu anak keluarga Ma- laysia lain yang turut memer- lukan sokongan seumpamanya.